

Malaysia sedia timbang tuntutan

BH - 5 JUN 2000

“
Kita terpaksa
timbang juga
kerana nak jaga
keselamatan
tebusan walaupun
pada dasarnya
kita tidak boleh
terima cara itu
”

— PM

Oleh Mutazar Abd Ghani,
Kadir Dikoh dan Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Ahad — Malaysia sedia menimbang tuntutan kumpulan penculik yang menahan 21 tebusan termasuk sembilan rakyat Malaysia di selatan Filipina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan pada dasarnya tidak menerima cara itu (tunduk kepada tuntutan penculik), ia terpaksa dipertimbangkan bagi menjaga keselamatan tebusan.

“Kita terpaksa timbang juga kerana nak jaga keselamatan tebusan yang diculik walaupun pada dasarnya kita tidak boleh terima cara itu.

“Tetapi, bila berdepan dengan kemungkinan penganas melakukan sesuatu terhadap mereka yang diculik, kita terpaksa timbang apa juga cara untuk menyelamatkan mereka (tebusan),” katanya selepas melawat beberapa kawasan di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas tuntutan penculik terbabit supaya wang tebusan AS\$1 juta (RM3.8 juta) di bayar bagi setiap tebusan.

Kelmarin, seorang wakil Kerajaan Filipina yang enggan namanya

LIHAT MUKA 2

Malaysia
m a h u
rundingan
lanjut
dengan
Filipina

BH - 5 JUN 2000

DARI MUKA 1

dilaporkan berkata kumpulan penculik itu akhirnya menuntut wang tebusan sebagai pertukaran dengan pembebasan tahanan mereka.

Beliau adalah antara beberapa wakil kerajaan yang bertindak sebagai pengantara antara perunding kerajaan dengan pemimpin kumpulan penculik sejak tebusan itu dilarikan dari Pulau Sipadan di Sabah, 23 April lalu.

Selain sembilan rakyat Malaysia, tiga orang ialah warga Jerman, masing-masing dua warga Finland, Afrika Selatan, Perancis, Filipina dan seorang rakyat Lubnan.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia mahu berunding lanjut dengan Kerajaan Filipina dalam mencari jalan membebaskan 21 tebusan itu.

“Kita sedang memikirkan sama ada kita perlu mencari jalan lain untuk menyelesaikan perkara ini. Kita pernah bercakap dengan pihak Filipina untuk membawa mereka bersama kalau boleh, dalam rundingan penyelesaian.

“Yang kita rasa tak seronok, rundingan mengambil masa cukup panjang,” katanya kepada pemberita selepas memberi ucapan pada persidangan meja bulat Asia-Pasifik ke-14, di sini hari ini.

Beliau berkata, kerajaan juga mencari jalan penyelesaian lain untuk memecah kebuntuan rundingan dengan kumpulan penculik itu selain tunduk kepada tuntutan membayar wang tebusan.

Ditanya sama ada Filipina ada menghubungi Malaysia berkaitan tuntutan bayaran itu, Abdullah berkata beliau tidak tahu secara khusus mengenai isu itu ‘tetapi memang kita hubungi mereka mengenai bagaimana kita nak menyelesaikan, nak membebaskan tebusan’.